

**PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : Y.B. TUAN MANIVANAN A/L GOWINDASAMY  
[ KAPAR ]**

**TARIKH : 10.3.2015**

**SOALAN :**

**Tuan Manivanan a/l Gowindasamy [ Kapar ] minta MENTERI  
PENDIDIKAN menyatakan :-**

- (a) senarai nama tokoh-tokoh akademik dalam bidang ilmu sejarah yang telah dilantik sebagai ahli Panel Pakar Rujuk Kurikulum Sejarah dan Buku Teks Sejarah; dan
- (b) perkembangan dan status terkini Panel Pakar Rujuk Kurikulum Sejarah dan Buku Teks Sejarah setakat ini. Apakah mekanisme yang digunakan untuk memastikan bahawa sejarah dipelihara dengan sewajarnya.

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

- a) Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) sentiasa memastikan hanya tokoh-tokoh akademik yang mempunyai kepakaran dalam bidang ilmu Sejarah dilantik menganggotai Panel Pakar Rujuk Kurikulum Sejarah dan Buku Teks Sejarah yang telah ditubuhkan pada 24 Oktober 2012. Panel tersebut dipengerusikan oleh YBhg. Datin Paduka Datuk Prof. Dr. Hajah Ramlah binti Adam,

Pengarah, Pusat Kajian Institusi Raja Malaysia, Universiti Malaysia Perlis (UniMaP).

Panel tersebut dianggotai oleh YBhg. Prof. Emeritus Dato' Dr. Nik Hassan Suhaimi bin Nik Abdul Rahman, Pakar Prasejarah di Institut Alam dan Tamadun Melayu (ATMA), Universiti Kebangsaan Malaysia, Prof. Dr. Ooi Keat Gin, Pensyarah di Jabatan Kemanusiaan, Universiti Sains Malaysia. Selain itu, panel ini turut dianggotai Prof. Madya Dr. Ismail bin Ali, Pengarah, Universiti Malaysia Sabah Cawangan Labuan dan Prof. Madya Dr. Sivachandralingam Sundara Raja Pensyarah di Jabatan Sejarah, Universiti Malaya serta YBhg. Prof. Madya Datu Haji Sanib bin Haji Said, Pengarah Institut Pengajian Asia Timur, Universiti Malaysia Sarawak (Bersara).

- b) Pembentukan Panel Pakar Rujuk ini bertujuan memastikan **penggubalan kurikulum Sejarah dan penerbitan buku teks Sejarah** akan dapat memberi impak kepada pemahaman dan penghayatan sejarah tanah air di samping membangunkan kurikulum Sejarah yang holistik selari dengan dapatan dan cadangan yang disarankan oleh Jawatankuasa Khas Mengkaji Kurikulum Sejarah dan Buku Teks Sejarah Sekolah Menengah.

Panel Pakar Rujuk terlibat secara langsung dalam penggubalan kurikulum, serta membuat pengesahan dokumen kurikulum mengikut Tahun dan Tingkatan sebelum diserahkan kepada Bahagian Buku Teks untuk proses penerbitan buku teks. Sehingga kini, Panel Pakar Rujuk ini telah menyemak dan

memperakukan Dokumen Kurikulum dan Pentaksiran (DSKP) Tahun 4, Tahun 5 dan Tahun 6. Panel Pakar Rujuk ini bertindak berdasarkan Terma Rujukan penubuhan panel ini dan berdasarkan kepakaran dalam bidang sejarah serta bahan dan sumber sejarah negara yang diperakukan oleh Arkib Negara.

RJM03